



2022-2023 School Year

Salam Sejahtera Ibu Bapa/Penjaga:

Kelas anak anda di sekolah telah dipilih untuk mengambil bahagian di *2022 Oregon Smile and Healthy Growth Screening* seluruh negara – saringan kesihatan pergigian dan indeks jisim tubuh (ukuran yang mengaitkan berat badan dengan ketinggian) bagi pelajar sekolah rendah gred pertama, ke-2 dan ke-3. Saringan penting ini membantu menambah baik kesihatan dan kesejahteraan kanak-kanak Oregon. Kanak-kanak yang sihat bersedia untuk belajar dan berkembang maju.

Saringan akan mengambil masa kurang daripada dua minit untuk setiap orang anak dan tidak memudaratkan. Juruhigin pergigian akan memeriksa gigi anak anda dan merekodkan ketinggian dan berat anak anda untuk indeks jisim tubuh (BMI). Tiada rawatan pergigian atau sinar-x pergigian. Semua amalan kesihatan dan keselamatan berkaitan dengan COVID-19 akan dipatuhi.

Saringan ini adalah percuma dan hasil saringan kesihatan pergigian anak anda akan dihantar ke rumah kepada anda dan anak anda. Anak anda akan menerima berus gigi percuma. Jika terdapat keperluan pergigian yang penting, ia akan dikongsi individu kakitangan sekolah yang boleh membantu anda mencari penyedia perkhidmatan pergigian jika anda memerlukannya. Saringan kesihatan pergigian ini tidak menggantikan pemeriksaan pergigian secara berkala oleh doktor pergigian anda. Semua kanak-kanak perlu berjumpa dengan doktor pergigian sekali setahun. Jika anda memerlukan bantuan untuk mencari doktor pergigian atau mendapatkan insurans pergigian, sila hubungi maklumat 211 dengan mendail 2-1-1 atau 1-866-698-6155. Anda juga boleh melawati tapak web mereka di <https://www.211info.org/>.

Anak anda akan disaring. Jika anda tidak mahu anak anda disaring, sila maklumkan kepada pihak sekolah secara bertulis terlebih dahulu.

Jika anda mempunyai soalan tentang saringan ini, sila hubungi Karen Phillips, State Oral Health Program di 971-412-0531. Anda boleh mendapatkan dokumen ini dalam bahasa lain, cetakan besar, braille atau format pilihan anda. Hubungi 971-673-0252 (TTY 711). Kami menerima semua panggilan geganti atau anda boleh mendail 711.

Terima kasih atas sokongan anda!

Dengan ikhlas,

2022 Oregon Smile and Healthy Growth Screening Team
Program Kesihatan Oral, Bahagian Ibu dan Anak, Pihak Berkuasa Kesihatan Oregon

Malay version